

## **Antropomorfisme dalam Lagu Dikir Barat Berunsurkan Haiwan: Analisis Tahap Kefahaman Para Pendengar**

## **Anthropomorphism in Dikir Barat Songs with Animal Elements: Analysis of Audience Understanding Levels**

Mohamad Suhaizi Suhaimi\* & Muhammad Auzraie Mohd Razali  
International Islamic University Malaysia  
Kampus Pagoh, Malaysia

Submitted: 21/12/2023. Revised edition: 21/10/2024. Accepted: 11/11/2024. Published online: 15/12/2024

### **ABSTRAK**

Lagu merupakan gubahan seni nada atau suara disertakan dengan muzik yang mempunyai kesatuan dan kesinambungan. Pada sesebuah lagu terdapat penulisan lirik yang bersifat tersurat atau tersirat. Pada lirik lagu, terdapat beberapa unsur yang boleh diselitkan, antaranya ialah unsur Antropomorfisme yang sering kali dijumpai dalam lirik lagu dikir barat. Hal ini demikian kerana, penggunaan unsur antropomorfisme dalam lirik lagu dikir barat membuatkan para pendengar kurang memahami maksud sebenar yang ingin disampaikan oleh penulis lirik. Justeru, kajian ini memfokuskan antropomorfisme dalam lagu dikir barat yang berunsurkan haiwan seperti kambing, ketam, tikus, ular dan kucing. Objektif kajian ini adalah mengenal pasti elemen antropomorfisme berunsurkan haiwan dalam lagu dikir barat berserta menganalisis kefahaman para pendengar lagu dikir barat terhadap elemen antropomorfisme. Reka bentuk kajian ini ialah berbentuk kualitatif dengan menggunakan kaedah kepustakaan, temu bual spontan dan edaran borang soal selidik. Dapatan bagi kajian ini ialah responden memberi jawapan bahawa kefahaman mereka memperoleh penilaian pengkaji pada tahap yang tinggi iaitu majoriti memahami akan makna di sebalik lirik lagu tersebut. Kajian ini diharapkan dapat memberi impak yang positif dan menjadi rujukan kajian lanjutan.

*Kata kunci:* Lirik lagu, dikir barat, antropomorfisme, haiwan, muzik

### **ABSTRACT**

The song is a composition of art involving sound or voice accompanied by music that has unity and continuity. Within a song, there are lyrics that can be either explicit or implicit. In the lyrics, several elements can be included, one of which is anthropomorphism, frequently found in the lyrics of dikir barat songs. This is because the use of anthropomorphism in dikir barat lyrics can lead listeners to have difficulty understanding the true meaning intended by the lyricist. Therefore, this study focuses on anthropomorphism in dikir barat songs featuring animals such as goats, crabs, rats, snakes, and cats. The objective of this study is to identify the elements of animal-related anthropomorphism in dikir barat songs and to analyze listeners' understanding of these elements. The study design is qualitative, employing literature review, spontaneous interviews, and distribution of questionnaires. The findings indicate that respondents report a high level of understanding, with the majority grasping the meaning behind the lyrics. This study is hoped to have a positive impact and serve as a reference for further research.

*Kata kunci:* Song lyrics, dikir barat, anthropomorphism, animals, music

---

\*Correspondence to: Mohamad Suhaizi Suhaimi (email: [msuhaizi@iiium.edu.my](mailto:msuhaizi@iiium.edu.my))

## PENGENALAN

Lagu merupakan gubahan seni nada atau suara yang disertakan dengan muzik serta mempunyai kesatuan dan kesinambungan. Lagu merupakan salah satu hasil daripada pengkarya seni yang mencurahkan idea dan membentuk suatu jalan cerita (Mohd Sulhie Yusuf, 2012). Indahnyanya sesebuah lagu terletak kepada penulisan liriknya yang boleh mengandungi maksud tersurat mahupun tersirat. Menurut Wong Shia Ho dan Nor Hashimah Jalaluddin (2019), penggunaan bahasa kiasan dalam lirik lagu bukan sahaja mengindahkannya tetapi untuk memastikan mesej yang hendak disampaikan adalah tepat dan dapat memberikan kesan yang mendalam kepada para pendengar.

Lirik dalam lagu boleh membawa pendengar untuk mengharungi jalan cerita di dalam sesebuah lagu tersebut. Misalnya, lirik lagu dikir barat yang dicipta dengan pelbagai perumpamaan, kiasan dan ibarat. Lirik lagu dikir barat juga mempamerkan gaya penulisan dan gaya penceritaan yang kreatif dari segi bentuk bahasanya, di samping memperlihatkan kepelbagaian maksud yang tersirat di balik kata yang tersurat. Banyak unsur yang boleh diselitkan dalam penulisan lirik lagu antaranya ialah unsur antropomorfisme.

Antropomorfisme ialah penilaian sifat manusia kepada makhluk bukan manusia seperti tumbuhan, haiwan, fenomena alam (angin, hujan dan ribut), dan objek (Wan Azni Wan Mohamad, 2022). Selain itu, antropomorfisme merupakan metafora yang menggunakan kata atau bentuk lain dan mengaitkannya dengan sifat dan tingkah laku manusia kepada perkara bukan manusia (Laksmidewi dan Soelasih, 2016). Orang Melayu menghasilkan lagu dikir barat dengan tidak mengetepikan unsur antropomorfisme dalam penulisan lirik bagi tujuan menyindir secara halus sifat manusia yang disamakan seakan sifat haiwan, tumbuhan, alam dan objek.

## PERNYATAAN MASALAH

Kajian mengenai antropomorfisme pernah dijalankan oleh Hishamudin Isam, Mashetoh Abd. Mutalib dan Yusniza Yaakub (2017) serta Dwinita Laksmidewi dan Yasintha Soelasih (2016). Selain itu, satu kajian lagi mengenai dikir barat pernah dijalankan oleh Mohd Fahmi Ismail, Salmah Jan Noor Muhammad dan Mohd Firdaus Che Yaacob (2016). Namun begitu, berdasarkan kajian-kajian tersebut menunjukkan bahawa tiada kajian yang memberi fokus terhadap antropomorfisme dalam lagu dikir barat yang berunsurkan haiwan. Sekiranya kajian ini tidak dilakukan maka beberapa isu akan timbul misalnya dalam penggunaan nama haiwan yang dianggap mengandungi unsur lucah. Antara nama haiwan yang digunakan dalam lirik lagu dikir barat dan dianggap lucah ialah pacat dan buaya. Pernyataan ini disokong oleh Shaipuddin Muhammad (2014) bahawa kebanyakan lagu dikir kontemporari kini banyak menggunakan perkataan-perkataan lucah dan tidak membawa mesej yang baik kepada penonton. Oleh itu, kajian ini perlu dijalankan supaya tanggapan para pendengar tidak akan terpesong daripada maksud yang ingin disampaikan oleh penulis lirik.

Selain itu, penggunaan unsur antropomorfisme dalam lirik lagu dikir barat membuatkan para pendengar kurang memahami maksud sebenar yang ingin disampaikan oleh penulis lirik. Kesan ini menyebabkan para pendengar lagu dikir barat kurang menghayati lirik dan jalan cerita lagu dikir barat, jika tidak memahami makna yang ingin disampaikan dalam lirik lagu dikir barat tersebut. Menurut Wan Azni Wan Mohamad (2022), penggunaan kata yang kurang sopan dalam lirik dikir barat boleh menimbulkan salah tanggapan oleh pendengar. Selain itu, beliau juga menyatakan bahawa pendengar

mengalami masalah untuk memahami dan menghayati disebabkan oleh cara penyampaian penulis lirik menggambarkan perbuatan manusia dengan bersandarkan haiwan kurang menepati.

## SOROTAN LITERATUR

Raihan Adnan (2018) mengkaji tentang semantik leksikal dalam lagu dikir barat “Bangkit Asal” (dialek Kelantan) yang dinyanyikan oleh penyanyi terkenal tanah air iaitu Halim Yazid. Pada awalnya, beliau memberitahu berkaitan ilmu semantik iaitu bidang yang mengkaji makna sesuatu perkataan dalam sesuatu bahasa. Kajian beliau didapati menggunakan tiga jenis semantik leksikal dalam lagu “Bangkit Asal” seperti sinonim, hiponim, dan polisemi. Dari segi sinonim, terdapat penggunaan perkataan ganti nama diri pertama “ambo” dalam lirik tersebut yang membawa maksud dalam bahasa Melayu standard ialah saya. Contoh lirik yang digunakan ialah “Ambo nok sambung kisah diri sdiri”. Penggunaan sinonim dalam kata kerja yang terdapat dalam lirik tersebut ialah “hungga” iaitu membawa maksud berlari dalam bahasa Melayu standard. Contoh ayat daripada lirik tersebut ialah “Ambo la banyok sekali kena hungga keliling pade”. Seterusnya kajian lepas mengeluarkan jenis semantik kata nama yang terdapat dalam lagu “Bangkit Asal” iaitu perkataan “baruh” yang membawa maksud sawah, dan perkataan 50 sen yang disebut “samah” dalam dialek negeri Kelantan.

Jenis semantik leksikal yang digunakan dalam kajian lepas ini ialah jenis hiponim. Jenis hiponim yang dipetik daripada lagu “Bangkit Asal” ialah hiponim makanan, hiponim keluarga, dan hiponim jawatan. Seterusnya ialah jenis semantik polisemi iaitu beliau mengeluarkan jenis peribahasa seperti simpulan bahasa. Selain itu, perkataan “ngaji” yang disebut dalam dialek negeri Kelantan membawa beberapa maksud yang digunakan mengikut mesej yang ingin disampaikan. Antara maksud “ngaji” yang terdapat dalam lirik lagu “Bangkit Asal” ialah belajar. Maksud lain juga diertikan sebagai mengaji al-Quran. Secara tuntasnya, semantik sangat penting dalam memahami maksud yang tersirat dan tersurat. Melalui pengkajian semantik dalam dialek dan lirik lagu dikir barat membolehkan penutur lain memahami semantik leksikal yang terdapat dalam dialek tersebut. Justeru, kajian lepas ini berkait rapat dengan tujuan pengkaji mengkaji antropomorfisme berunsurkan haiwan dalam lirik lagu dikir barat, iaitu memastikan pendengar tidak menyalah tafsirkan makna yang ingin disampaikan oleh penulis lirik kepada pendengar. Menurut Dwinita Laksmidewi dan Yasintha Soelasih (2016), antropomorfisme ditafsirkan sebagai pengenalan ciri-ciri manusia kepada binatang, tumbuh-tumbuhan, dan benda mati. Beliau melakukan kajian mengenai antropomorfisme konsumen pada alam dan pengaruhnya pada sikap terhadap program Green Cause-Related Marketing. Kajian dari Indonesia ini menyatakan bahawa benda alam seperti gunung, laut, dan pokok seringkali dikaitkan dengan antropomorfisme dan kecenderungan antropomorfisme mempunyai perkaitan dengan tingkah laku seseorang, termasuk tingkah laku terhadap alam.

Servais V. (2018) menyatakan dalam kajian beliau berkenaan *Anthropomorphism in Human-Animal Interactions: A Pragmatist View* bahawa melihat penyelidikan terdahulu dan membuat kesimpulan bahawa idea antropomorfisme adalah sebagai tindakan inferens hanya terpakai dalam persekitaran saintis yang menjaga haiwan. Orang yang tidak mahir dan bukan profesional anthropomorphizing haiwan bercakap dengan persekitaran mereka dan bukannya bertindak sebagai pemerhati yang terpisah atau objektif terhadap tingkah laku haiwan itu. Beliau juga menyatakan bahawa selagi antropomorfisme ditakrifkan sebagai atribusi (dekontekstual) kualiti manusia kepada haiwan, antropomorfisme boleh dikaji

secara empirikal melalui soal selidik yang meminta orang ramai menaitkan keadaan kognitif dan emosi yang lebih atau kurang kompleks kepada haiwan. Kaedah Anthropomorphism and Human-Animal Similarity ini meminta subjek menilai spesies haiwan yang berbeza mengikut kebolehan kognitif dan emosi mereka yang sepatutnya. Beliau menunjukkan bahawa lebih banyak haiwan itu dianggap serupa atau hampir sama dengan manusia.

## METODOLOGI

Reka bentuk kajian ini menggunakan kaedah kualitatif dalam memperoleh data yang diperlukan bagi menjawab objektif kajian. Kajian ini merupakan satu kajian tinjauan yang meninjau kefahaman para pendengar lagu dikir barat yang mengandungi antropomorfisme berunsurkan haiwan, khususnya dalam kalangan masyarakat di negeri Kelantan. Bentuk kajian tinjauan merupakan bentuk kajian paling popular yang digunakan dalam pelbagai bidang khususnya dalam bidang sociolinguistik seperti kajian dialek (Faridah Nazir, Nurul Jamilah Rosly dan Nora'Azian Nahar, 2020).

Pemilihan kaedah kualitatif dalam menjalankan kajian berkaitan dengan antropomorfisme dalam lirik lagu dikir barat yang berunsurkan haiwan ini seiring dengan kajian yang telah dilakukan oleh beberapa pengkaji lepas seperti Hishamudin Isam, Mashetoh Abd Mutalib dan Yusniza Yaakub (2018). Beliau menelusuri enam filem tempatan yang menggunakan kata sapaan mengandungi antropomorfisme iaitu mengenakan sifat manusia kepada sifat bukan manusia, seperti haiwan contohnya.

Pengkaji telah mendengar beberapa buah lagu dikir barat melalui rakaman audio dan juga rakaman video yang dimuat naik di platform Youtube. Pada masa itu juga, pengkaji mengenal pasti dan memfokuskan lagu dikir barat yang didendangkan itu mempunyai unsur haiwan dalam liriknya. Setelah itu, pengkaji telahpun menemui beberapa lagu yang memperihalkan haiwan, bukan sahaja tajuk yang bernama haiwan tetapi di setiap bait-bait lirik lagu dikir barat itu menyebut nama haiwan tersebut.

Pengkaji telah menemui 13 buah lagu dikir barat yang mempunyai antropomorfisme berunsur haiwan dalam liriknya. Lagu dikir barat yang telah ditemui oleh pengkaji adalah bertajuk Burung Tiong, Ikan Darat, Kambing, Ketam, Kucing, Buaya Darat, Ikan Flower Horn, Penyu, Ular, Anak Beruk, Ayam Serama, Tikus dan Ngobok Jambul. Hasil daripada penelitian, pengkaji telah mengeluarkan lima buah lagu yang betul-betul menepati dengan antropomorfisme berunsurkan haiwan dalam liriknya. Antara tajuk lagu yang dipilih dan dikeluarkan ialah lagu dikir barat Kambing yang dinyanyikan oleh Pokku Kamal, lagu Ketam dinyanyikan oleh Tuan Kob Raja Saring, lagu Tikus dan Ular kedua-duanya dinyanyikan oleh Cikgu Naim, dan lagu Kucing dinyanyikan oleh Pokya Mangkuk.

Setelah menemui dan mengeluarkan lima buah lagu terpilih yang ada elemen antropomorfisme berunsurkan haiwan dalam liriknya, pengkaji menyalin semula kesemua lirik kelima-lima buah lagu tersebut. Seterusnya, pengkaji memetik beberapa bait-bait lirik bagi setiap lagu yang mempunyai unsur haiwan dan sifat manusia yang disandarkan kepada haiwan. Setiap lagu, pengkaji mengeluarkan dua bait ayat untuk mencari makna sebenar di sebalik ayat tersebut. Hasil daripada lima buah lagu terpilih berunsurkan haiwan, pengkaji memperolehi 10 bait lagu yang berunsurkan haiwan.

Bagi memperoleh makna sebenar di sebalik maksud tersirat lirik lagu dikir barat tersebut, pengkaji telahpun berjumpa dengan seorang ahli dikir barat yang telah lama berkecimpung di dalam dunia dikir barat, baik dari segi persembahan mahupun pertandingan. Nama beliau ialah Mohd Faizul bin Ya atau nama pentasnya lebih dikenali sebagai Joe Ranjuna. Beliau merupakan anak legenda dikir barat tanah air

iaitu Ya atau dikenali sebagai Pok Ya KL. Beliau berumur 41 tahun, mempunyai seorang isteri dan empat orang cahaya mata. Beliau memang berasal dari Kelantan dan bekerja sendiri.

Di samping itu, beliau bukan sahaja berpengalaman dari segi seni permainan dikir barat, tetapi juga mahir dalam seni mencipta lirik lagu dan berpengetahuan dalam kegunaan perkataan demi perkataan mengikut kefahaman akal budi dan budaya rakyat Kelantan, khususnya dalam lirik lagu dikir barat. Dari sudut pengalaman dalam seni dikir barat, tidak dinafikan lagi beliau telah mendapat banyak pengalaman kerana telah berkecimpung sejak tahun 1991, iaitu ketika beliau berumur sembilan tahun. Pada awalnya, Joe Ranjuna hanya sebagai pemain muzik iaitu pemain rebana ibu kepada kumpulan dikir. Namun demikian, beliau telah mengorak langkah demi langkah untuk terus belajar supaya mahir dari pelbagai segi dalam permainan dikir barat. Justeru, sekarang beliau sudah mahir dalam segala bidang berkaitan dikir barat antaranya ialah bermain muzik, awak-awak, tok juara, dan tukang karut.

Pengalamannya itu membuatkan pengkaji berasa kukuh dan gagah untuk bertanyakan makna di sebalik lirik lagu dikir barat yang terpilih. Setelah bertanyakan 10 bait lirik lagu dikir barat kepada Joe Ranjuna, pengkaji telahpun memperoleh makna yang tepat berkaitan lirik lagu dikir barat yang berunsurkan haiwan itu. Berlandaskan pengalaman dan kemahirannya yang mendalam, perbualan pengkaji dengannya membuatkan maklumat yang dihuraikan itu berjalan dengan lancar dan menepati input yang dikehendaki.

Kaedah ini mempunyai nilai ketepatan terhadap beberapa prinsip iaitu maklumat boleh dipercayai (availability), ketepatan yang boleh disemak puncanya (authenticity), pengumpulan maklumat yang mencukupi untuk membuat rumusan (adequacy), maklumat yang dikumpul relevan dengan kajian (applicability) dan data-data yang diperolehi boleh dianalisis dengan dokumen dan statistic (adaptability) (Ghazali D., & Sufean H., 2018).

## DAPATAN KAJIAN

Seramai 20 orang responden yang telah mengemukakan idea, pendapat dan pandangan mereka sebagai jawapan berdasarkan kefahaman tentang lirik lagu dikir barat. Setelah menganalisis segala jawapan yang diberikan, terdapat perbezaan jawapan daripada 20 orang responden tersebut. Walaupun begitu, selain tidak memahami langsung, ada juga yang memberi jawapan sama dengan makna sebenar lirik lagu tersebut. Ukuran pengkaji terhadap ketepatan jawapan responden berdasarkan jawapan yang dinyatakan dan jawapan daripada orang lama dalam seni dikir barat iaitu Encik Faizul.

Setelah pengkaji menganalisis semua jawapan yang diberi, pengkaji mengelaskan kefahaman responden kepada tiga kumpulan iaitu tinggi, sederhana dan rendah. Menurut Rosmawati (2020) bahawa pengelasan itu dinamakan sebagai kaedah deskriptif kualitatif. Beliau menyatakan bahawa pengukuran tahap kefahaman responden perlu dinilai oleh penyelidik dan mengelaskannya kepada tiga tahap iaitu tinggi, sederhana dan rendah. Soalan yang berbentuk subjektif juga telah diajukan oleh pengkaji selari dengan kaedah yang digunakan iaitu kaedah deskriptif kualitatif.

### Lagu Dikir Barat “Kambing”

Pengkaji memetik dua rangkap daripada keseluruhan lirik lagu dikir barat ‘Kambing’. Rangkap pertama ialah:

“Kambing ni bertuoh,  
 Tapi mulut tok patey,  
 Dio berehi dooh,  
 Pucuk duriye denge pucuk moktey,  
 Kalu makey pucuk getoh,  
 Habis daun dio kutis batey,  
 Kambing loni jarey tuoh,  
 Doh mulut huduh lebih pado setey.  
 (Makna: Manusia sekarang bersifat mulut lepas iaitu suka mengata orang)

Seramai 20 orang responden yang telah menjawab dan memberi pandangan tentang maksud di sebalik makna lirik lagu tersebut. Menurut Anim Hosnan (2021), kambing merupakan sejenis haiwan ruminan kecil yang terletak dalam keluarga *Bovidae* atau *Sub-Famili Caprinae*. Makna tepat lirik lagu dikir barat di atas yang diberikan oleh Encik Faizul ialah manusia sekarang suka mengata kepada orang. Justeru itu, terdapat 15 orang responden yang memberi jawapan yang tepat tentang makna di sebalik lirik lagu tersebut. Lima orang responden lagi memberi jawapan makna tersebut tidak menepati kepada makna asal, bahawa sifat manusia yang dinyatakan dalam lirik itu tidak jelas dan tidak difahami.

Mulut lepas yang dinyatakan dalam lirik lagu dikir itu ialah “mulut huduh lebih pado setey” bermaksud mulut yang suka mengata orang dan perangai sebegitu lebih teruk daripada perangai syaitan. Jika difikir secara logiknya, mulut lepas ini boleh disifatkan kepada makhluk yang boleh bertutur sahaja, dan kambing bukanlah makhluk yang boleh bercakap. Justeru itu, jelas di sini bahawa sifat manusia yang disandarkan kepada perbuatan kambing itu menepati elemen antropomorfisme.

Kambing di Malaysia,  
 Takdok lagi nyo wawasey,  
 Tokse makey upey kedai,  
 Tok berehi kulit pisey,  
 Suko gelewak kot daley kedai,  
 Tok peraih pun naik bosey,  
 Tengok tuwe tidok besar,  
 Tapi perangai tindih di perasey.  
 (Makna: Sifat manusia yang berlagak)

Pada rangkap ini mempunyai jumlah responden yang sama dengan kefahamannya terhadap maksud lirik lagu dikir di atas iaitu seramai 15 orang. Lima orang lagi responden menyatakan jawapannya tidak kena dengan makna sebenar di sebalik lirik lagu dikir barat berelemenkan antropomorfisme berunsurkan haiwan. Antara jawapan yang diberi ialah sifat manusia sekarang suka menjaga tepi kain orang dan menyebabkan orang di sekeliling tidak selesa akan keberadaannya. Perkara ini tidak disetujui oleh pengkaji kerana mengikut kefahaman makna lirik dikir pada rangkap di atas tidak menceritakan tentang perangai manusia yang menyibuk cerita hal orang lain dan disandarkan kepada perbuatan kambing. Hujah lainnya ialah makna salah yang diberi itu menyimpang jauh daripada makna yang dinyatakan oleh Encik Faizul, iaitu sifat manusia yang berlagak. Namun begitu, ketidakfahaman lima orang responden ini masih lagi berjaya terhadap pengkaji kerana jumlah yang memahami lirik lagu dikir itu mendominasi jumlah keseluruhan responden.

### Lagu Dikir Barat “Ketam”

“Tok menasaboh langsung,  
Ketam mengajar anak,  
Didikan nyo tok betul,  
Contoh hok takdok gamok,  
Bapok jaley undur,  
Ibu jaley ngesok,  
Sabik turun menurun,  
Ketam bejaley gheyok.

(Makna: seseorang ingin mengajar, tetapi dirinya sendiri tidak betul)

Lirik lagu dikir barat yang bertajuk “ketam” ini mendapat keseluruhan responden yang memahami akan makna yang ingin disampaikan iaitu seseorang yang ingin mengajar orang lain, tetapi dirinya sendiri tidak betul. Kesemua responden yang memberi jawapan adalah menepati makna asal lirik lagu yang berelamenkan antropomorfisme, iaitu bermaksud seseorang yang ingin mengajar orang lain tetapi dirinya sendiri tidak berbuat demikian. Walaupun tidak kesemua jawapan yang diberikan itu menepati seratus peratus akan ayat yang dinyatakan, tetapi makna dasarnya adalah berada pada landasan yang betul. Justeru itu, rangkap dalam lirik lagu dikir barat ini berjaya memberi kefahaman kepada pendengar lagu dikir barat akan maknanya yang ingin disampaikan. Pengkaji berpendapat bahawa penggunaan haiwan yang bernama ketam ini mudah difahami oleh masyarakat di luar sana kerana kepengaruhan akan peribahasa yang sering digunakan iaitu ‘bagai ketam mengajar anaknya berjalan’. Jelasnya di sini bahawa pendengar lagu dikir barat ini mudah memahami makna di sebalik lirik lagu yang didengari, tambahan pula lirik yang ditulis dan didendangkan itu menggunakan dialek Kelantan.

“Ayoh gi masjid,  
Anok gi madrasah,  
Ayoh pegi ngatik,  
Anok dengar tok guru saroh,  
Ayoh kelik gorib,  
Anok kelik ceroh,  
Ayoh ketuk dale supik,  
Anok ketuk dale kawoh”.

(Makna: Bagaimana didikan diberi, maka begitulah hasilnya)

Kesemua responden meletakkan diri mereka pada kedudukan yang memahami makna lirik dikir barat itu dengan memberi jawapan yang tepat akan makna sebenar lirik di atas iaitu hasil didikan bergantung kepada cara ajaran. Lagu bertajuk ketam ini menggunakan perkataan ‘ayah’ di dalam liriknya untuk menggambarkan seorang pendidik yang sentiasa dipantau oleh insan yang bergelar anak. Penceritaan pada rangkap lirik lagu di atas ialah seorang ayah yang pergi beribadat dan diikuti juga anaknya untuk beribadat. Situasi kedua ialah seorang bapa yang balik waktu senja, dan anaknya juga balik lewat. Situasi ini menunjukkan ayahnya pulang lewat iaitu pada waktu maghrib seperti yang dinyatakan di dalam lirik “ayoh kelik gorib”. Di samping itu, perbuatan yang dibuat anaknya itu lebih teruk daripada ayahnya iaitu pulang lebih lewat pada hari ingin menjelang subuh, seperti yang dinyatakan di dalam lirik lagu itu “anok kelik ceroh”. Seterusnya, perbuatan bapa yang tidak senonoh itu membuatkan anaknya membuat perkara tidak senonoh juga iaitu perbuatan ‘kentut’ yang digunakan. Namun demikian, jelas di sini bahawa

responden memahami makna sebenar yang ingin disampaikan di dalam lirik lagu dikir barat iaitu bagaimana didikan yang diberi, maka itulah hasilnya akan diperolehi. Pada rangkap ini juga pengkaji percaya bahawa kefahaman responden berlandaskan peribahasa yang sering digunakan, seiring dengan bapa borek anak rintik.

### Lagu Dikir Barat “Tikus”

“Bandar Kota Bharu tikus lepok di *supermarket*,  
Duduk ngosek tino lalu skali tengok po kuba rabik,  
Hari Jumaat tikus tunggu oghe semaye di masjid,  
Ado selipar kasut baru puok tikus curi ambik.  
(Makna: Orang yang berniat jahat selalu mengambil peluang)

Rangkap lirik lagu dikir tersebut mendapat kefahaman secara menyeluruh daripada responden. Seramai 20 orang responden yang memberi jawapan yang menepati makna asal di sebalik lirik lagu dikir barat berunsurkan tikus iaitu orang yang berniat jahat selalu mengambil peluang. Rata-rata jawapan yang diberikan oleh responden adalah berada di landasan yang betul, iaitu kefahaman yang tepat. Jawapan yang diberi itu juga menyifatkan haiwan bernama tikus ini adalah bersifat memusnahkan. Segala barangan lama dan pakaian yang lama tidak digunakan di dalam almari, akan digigit oleh tikus. Sifat tikus ini lazimnya membuatkan manusia akan menjadi geram dan marah akan kelakuan yang tidak bertanggungjawab itu. Namun demikian, logiklah lagu dikir barat ini menggunakan haiwan bernama tikus untuk menceritakan peranai manusia yang suka mencuri seperti yang dinyatakan di dalam lirik lagu dikir barat itu iaitu “hari Jumaat tikus tunggu oghe semaye di masjid, ado selipar kasut baru puok tikus curi ambik”. Makna cebisan lirik lagu dikir barat itu ialah manusia yang disandarkan kepada nama tikus itu berkelakuan menunggu jemaah solat Jumaat di masjid untuk mengambil kesempatan mencuri selipar atau kasut baharu. Perbuatan tidak wajar oleh manusia sebegini disandarkan dengan haiwan bernama tikus.

“Ado tikus ceridik peseng tikus model baru,  
Jenis tikus tok make nasi dio make bate kayu,  
Liar bena cari duit beli keto rumah baru,  
Kadey peranga supo pelesit samo sediri pun dio tipu”.  
(Makna: Tujuan penyindiran orang kaya yang bersifat tipu sesama sendiri)

Rangkap lagu dikir barat ini juga mendapat kefahaman yang majoriti iaitu seramai 20 orang responden yang memberi jawapan menepati makna asal di sebalik lirik tersebut iaitu penyindiran terhadap orang kaya yang bersifat menipu sesama sendiri. Kefahaman mereka mudah untuk dicapai kerana ayat-ayat pada setiap bait rangkap ini menggunakan perkataan dan ayat yang mudah. Lantaran itu, seiring dengan sasaran responden yang pengkaji sasarkan iaitu pendengar dari Negeri Kelantan. Makna selapis yang diberikan itu membuatkan responden mudah untuk faham makna di sebalik lirik tersebut yang mengiaskan sifat manusia kepada perangai tikus. “Tikus cerdik” yang disebutkan di dalam lirik itu melambangkan manusia yang pandai dari pelbagai segi antaranya ialah pandai cari duit. Baris kedua rangkap lirik lagu di atas mengatakan “jenis tikus tok make nasi dio make bate kayu” bermaksud ada jenis tikus yang tidak makan nasi, tetapi makan batang kayu. Makna tidak makan nasi di situ ialah tidak makan makanan biasa disebabkan sifat bagi nasi itu ialah makanan kebiasaan masyarakat kita. Manakala makan kayu pula memberi makna individu itu makan makanan yang orang tidak makan. Justeru, hasil gabungan kedua-dua klausa itu memberi maksud kepada orang kaya iaitu memilih makanan yang luar biasa untuk kelainan



daripada orang biasa. Baris ketiga “liar bena cari duit beli keto rumah baru” bermaksud individu yang dimaksudkan itu pandai mencari peluang untuk memperoleh wang yang lumayan dan membeli kereta dan rumah baru sebagai asetnya. Pada baris akhir rangkap lirik di atas mengatakan bahawa sifat orang kaya sekarang ramai yang suka menipu demi kepentingan diri sendiri. Tegasnya di sini bahawa semua responden memahami makna lirik lagu dikir barat berunsurkan haiwan tikus yang ingin disampaikan.

### Lagu Dikir Barat “Ular”

“Ado jenis ular hok oghe jare sebut,  
Ular moden namo bergelar atah palo tumbuh rambut,  
Paka baju paka seluar kade-kade nyo paka kot,  
Dale disko dey dale Bar kelab dangdut pun dio masuk”.

(Makna: Jenis manusia yang menyamar di depan baik tapi di belakang berkelakuan lain)

Lagu dikir barat ini menggunakan haiwan bernama ular sebagai sandaran kepada sifat manusia. Menurut Rosman Ahmad (2022), ular merupakan reptilia yang berjenis karnivor dan mempunyai saiz panjang. Ular merupakan haiwan yang kulitnya bersisik dan sisiknya bersusunan bertindih-tindih. Sifat manusia yang ingin disampaikan ini ialah dari segi jenis yang kuat menyamar menjadi baik di depan tetapi berkelakuan buruk di belakang kita ibarat kata manusia bertalam dua muka. Sifat seekor ular mempunyai persamaan dengan manusia yang ingin disampaikan di sebalik makna lagu tersebut iaitu bersifat lembut yang hakiki pada seekor ular dan lembut pada manusia itu berdasarkan tutur kata dan kelakuan. Selain itu, sifat kedua ialah bisa pada ular yang dianggap berbadan lembut tadi akan bertukar kepada musibah jika tidak kena dengan cara, namun begitu juga dengan sifat manusia yang suka menyembur bisa kepada kita tanpa disedari dengan berkelakuan buruk di belakang kita. Kelakuan buruk itu diselubungi dengan berpakaian baik seperti yang disebut di dalam lirik lagu di atas yang berbunyi “paka baju paka seluar kade-kade nyo paka kot” yang bermaksud individu sebegini memakai pakaian yang memberi tanggapan baik kepada masyarakat iaitu berpakaian kasual seperti baju kot. Namun begitu, semua responden kajian ini iaitu seramai 20 orang telah memberi jawapan yang tepat dan sekali gus menepati makna di sebalik penyampaian lirik lagu dikir barat yang bertajuk tikus ini.

“Ular zame moden ado hok panda nego,  
Dale poket pitih skeleng blagok mace ore kayo,  
Pitih worih pitih saing ular moden tokleh lepo,  
Kalu berutey gak pitih bank nok boleh bayar meroh mato”.

(Makna: Sejenis manusia hidup mewah dengan hutang dan susah untuk bayar hutang)

Makna tersirat yang ingin disampaikan oleh penulis lirik lagu dikir barat “ular” ini ialah sejenis manusia yang hidup mewah tetapi diselaputi dengan hutang dan liat untuk membayarnya. Bait demi bait lirik di atas menceritakan sifat manusia berkelakuan berlagak dan angkuh dengan pinjaman kekayaan yang dimiliki. Baris kedua lirik di atas “dale poket pitih skeleng blagok mace ore kayo” memberi erti di dalam sakunya hanya terdapat duit syiling tetapi berlagak seperti orang kaya. “duit skeleng” yang dimaksudkan di situ ialah memberi erti bahawa bilangan duit yang sedikit dan selari dengan perbuatannya yang suka berhutang. Sesungguhnya duit bagi orang yang suka berhutang ini tidak pernah rasa cukup. Baris akhir lirik di atas ada menyebut “nok boleh bayar meroh mato” bermaksud susah untuk bayar hutang. Namun demikian, seramai 17 orang responden memberi kenyataan yang menunjukkan mereka

faham akan makna-makna tersirat di dalam lirik lagu dikir barat tersebut. Jumlah responden yang memberikan kenyataan kefahaman mereka itu mendominasi bilangan responden yang tidak faham iaitu hanya berjumlah tiga orang sahaja.

### Lagu Dikir Barat “Kucing”

“Kucing Bangla jago-jago lah adik-adik,  
Perangai supo ular dio panda putar belit,  
Kecek dio panda lebih pado kongo tabik,  
Lambat kelipa anak oghe bini oghe dio nok milik.

(Makna: Seseorang yang pandai bermain lidah untuk menipu orang lain)

Jumlah responden yang betul-betul memahami makna di sebalik lirik lagu dikir barat pada rangkap ini hanya 16 orang sahaja. Namun begitu, bilangan itu tetap menjadi jumlah yang majoriti memahami makna lirik lagu dikir barat yang bertajuk kucing tersebut. 16 orang responden memberi jawapan bahawa lagu ini sebenarnya mengisahkan sifat manusia yang pandai memutar belit dalam berkata-kata dan menyebabkan orang lain tertipu dengan pujukan dan rayuannya. Namun demikian, empat orang lagi responden memberi jawapan yang tidak tepat iaitu mereka menyatakan bahawa terdapat kekeliruan dengan penggunaan haiwan bernama ular pada baris kedua rangkap lagu dikir barat di atas, sedangkan yang dimaksudkan ialah perlu berhati-hati dengan orang berkulit hitam seperti ‘kucing Bangla’ yang dinyatakan pada lirik di atas. Justeru itu, majoriti responden memahami makna di sebalik lirik lagu dikir barat yang dinyatakan tersebut.

“Kucing paling bahayo kucing tino bako Siye,  
Panda kecek oghe kito sapo-sapo duit sakey,  
Lembut tutur kato Martini saye abe,  
Kalu dey keno kedio anak bini pun tinggal belakey”.

(Makna: Sejenis perempuan yang suka mengambil kesempatan)

Rangkap ini sekali lagi dicapai oleh responden bahawa mereka sangat memahami akan makna di sebalik lirik lagu tersebut. Jawapan yang dinyatakan oleh mereka menunjukkan satu haluan yang sama kefahaman dengan makna asal yang diberikan oleh Encik Faizul iaitu sejenis perempuan yang suka mengambil kesempatan. Pengkaji dapat merumuskan bahawa kefahaman mereka itu ditonjolkan oleh kerana kesan daripada banyak kedai-kedai orang Siam di negeri Kelantan yang menyebabkan mereka sudah terbiasa dengan isu perangai masyarakat orang Siam yang sering dikatakan suka memujuk orang Kelantan yang mempunyai banyak duit. Namun begitu, ada sesetengahnya memakan rayuan tersebut, malangnya ada yang lebih teruk sehingga sanggup tinggal anak dan isteri demi mengikut haluan bersama perempuan yang dikatakan “kucing paling bahayo kucing tino bako Siye”. Jelas di sini bahawa semua responden memahami maksud di sebalik lirik lagu dikir barat “kucing” yang dinyanyikan oleh Pokya mangkuk yang mengisahkan makna di sebaliknya berkaitan sejenis perempuan yang gemar mengambil kesempatan

## KESIMPULAN

Secara keseluruhannya, hasil daripada analisis kefahaman para pendengar lagu dikir barat terhadap elemen antropomorfisme ini telah memperoleh hasil yang sangat signifikan terhadap kefahamannya. Masing-masing responden bekerjasama dengan memberi jawapan yang majoritinya menepati makna asal lirik lagu dikir barat yang telah diklasifikasikan, walhal terdapat beberapa orang sahaja yang tidak memahami sesetengah bait lirik lagu dikir barat yang diberi. Selain itu, hasil analisis daripada 20 orang responden ternyata tiada responden yang berada di tahap yang rendah iaitu merujuk kepada pencapaian dan ketepatan maksud yang diberi di sebalik makna lirik lagu dikir barat tersebut.

Seterusnya, pada tahap yang sederhana pula terdapat tiga orang responden yang hanya memberi maksud yang tepat kepada enam lirik lagu dikir barat sahaja. Ketiga-tiga responden yang berada di tahap yang sederhana ini mempunyai ketidakfahaman yang berbeza terhadap lirik lagu yang bertajuk “kambing”, rangkap kedua lagu dikir “ular”, dan rangkap pertama lagu dikir barat bertajuk “kucing”. Namun begitu, jumlah ini tidak dapat menguasai jumlah responden lain yang memahami maksud tersirat dan konteks lagu dikir barat yang terhasil seramai 17 orang. Jumlah responden yang berada di tahap yang tinggi kefahamannya terhasil seramai 17 orang, sekali gus memberi rumusan kepada pengkaji bahawa pendengar lagu dikir barat ini memahami elemen antropomorfisme yang terkandung di dalam lirik berunsurkan haiwan.

## PENGHARGAAN

Pengkaji merakamkan penghargaan kepada sidang editorial jurnal berikutan menyediakan ruang dan peluang untuk menerbitkan artikel ini. Diharapkan agar penulisan ini memberi manfaat dan pengetahuan yang berguna kepada para pembaca terutamanya berkaitan kajian dikir barat.

## KONFLIK KEPENTINGAN

Para penulis mengesahkan bahawa tiada sebarang konflik kepentingan dalam penerbitan artikel ini.

## RUJUKAN

- Anim Hosnan. (2021). Anim agro technology. *Cerita Pasal Kambing*. Dimuat turun Februari 21 daripada <http://animhosnan.blogspot.com/2021/07/cerita-pasal-kambing.html>.
- Dwinita Laksmidewi & Yasintha Soelasih. (2016). Antropomorfisme konsumen pada alam dan pengaruhnya pada sikap terhadap program green cause-related marketing. *MIX: Jurnal Ilmiah Manajemen*, 6(1), 1–13.

- Faridah Nazir, Jamilah Rosly dan Nora'Azian Nahar. (2020). *Kaedah penyelidikan bahasa Melayu*. Ayer Keroh, Melaka.
- Ghazali D., & Sufean H. (2018). *Metodologi penyelidikan dalam pendidikan: Amalan dan analisis kajian* Edisi Kedua. Kuala Lumpur.
- Hishamudin Isam, Mashetoh Abd. Mutalib, & Yusniza Yaakub. (2018). pemahaman unsur anthropomorphisme sebagai bentuk panggilan dalam komunikasi berdasarkan model proses tiga serangkai. *Jurnal Bahasa*, 17(2), 249–278.
- Mohd Fahmi Ismail, Salmah Jan Noor Muhammad, & Mohd Firdaus Che Yaacob. (2016). Unsur amanat dan impak lirik dikir barat Halim Yazid. *International Journal of Language Education and Applied Linguistics*, 4, 76–80.
- Mohd Sulhie Yusuf. (2012). Mengenali seni warisan dikir barat. Dimuat turun daripada <http://kebudayaan.usim.edu.my/sulhie-yusuf/seni-warisan-dikir-barat/2012>.
- Raihan Adnan. (2018). Prezi. Bangkit Asal (Dikir Barat Dialek Kelantan). Dimuat Turun Julai 20 daripada <https://prezi.com/p/dx7qcp2oirwv/bangkit-asal-dikir-barat-dialek-kelantan/?fallback=1>.
- Rosman Ahmad, (2022). Penawar racun. Pengenalan kepada ular berbisa di Malaysia. Dimuat turun Januari 16 daripada <https://penawaracun.usm.my/bil-5/1264-pengenalan-kepada-ular-berbisa-di-malaysia>.
- Rosmawati. (2020). Rosmawati212's Blog. Analisis tahap dalam ujian statistik deskriptif. Dimuat turun Januari 17 daripada <https://rosma212.wordpress.com/2020/05/10/analisis-tahap-dalam-ujian-statistik-deskriptif/>.
- Servais, V. (2018). Anthropomorphism in human–Animal interactions: A pragmatist view. *Frontiers in Psychology*, 9.
- Shaipuddin Muhammad. (2014) Analisis muzik dan persembahan dikir barat di Kelantan – Satu penilaian dan persepsi masa hadapan. *International Journal of Creative Future and Heritage (TENIAT)*, 2(2), 49–61.
- Wan Azni Wan Mohamad (2022). Dewan Bahasa. Antropomorfisme dalam dikir barat. Dimuat turun Mac 3 daripada <https://dewanbahasa.jendeladbp.my/2022/06/20/4092/>.
- Wong Shia Ho & Nor Hashimah Jalaluddin. (2019). Bahasa kiasan dalam lagu “mati hidup semula”: Analisis semantik inkuisitif. *Jurnal Bahasa*, 19(2), 231–258.